

14 AUG 1998

PBB-Pertandingan

ADA "DALANG" DALAM PERTANDINGAN JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN, KATA JOHARI

KUCHING, 14 Ogos (Bernama) -- Menteri Pembangunan Perindustrian Datuk Abang Johari Tun Openg hari ini mendakwa ada "dalang" terbabit dalam pertandingan tiga penjuar bagi jawatan Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) pada pemilihan parti, 28 Ogos ini.

Abang Johari mencabar dua lagi pemimpin PBB, penyandang Timbalan Presiden Datuk Abang Abu Bakar Mustapha dan Menteri Negeri Datuk Adenan Satem dalam pertandingan yang pertama kali diadakan bagi jawatan itu dalam tempoh 12 tahun.

"Saya bertanding bukan sahaja menentang kawan baik saya Datuk Adenan Satem tetapi juga dalang-dalang yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh tetapi tidak berani tampil untuk bertanding bagi jawatan itu," katanya kepada pemberita di sini.

Abang Johari dan Adenan adalah Naib Presiden parti.

Adenan, Menteri Pertanian dan Industri Makanan menerima 32 pencalonan bagi jawatan itu, Abang Johari pula sebanyak 14 pencalonan manakala Abang Abu Bakar hanya memperolehi satu pencalonan.

Abang Johari kelihatan tersinggung pada persidangan berita itu apabila beliau memperkatakan mengenai taktik yang digunakan oleh "dalang yang mempunyai kedudukan kewangan kukuh" untuk mempengaruhi keputusan pertandingan bagi jawatan nombor dua parti itu.

Sebelum persidangan berita itu bermula, Abang Johari bertanya: "Di mana Borneo Post ... tak guna jika hanya Sarawak Tribune dan Utusan Sarawak sahaja yang hadir".

Akhbar Borneo Post di kalangan akhbar-akhbar di Sarawak di sini dilihat sebagai lebih "bebas" dan popular kerana menerbitkan pelbagai bantahan pendapat daripada anggota parti pemerintah dan juga pembangkang.

Abang Johari bercakap mengenai taktik yang didakwa digunakan oleh "dalang" untuk mempengaruhi keputusan pada pemilihan itu, termasuk khabar angin yang mengatakan bahawa Adenan telah menerima pencalonan dari Bahagian Asajaya yang diketuai Presiden parti dan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, dia (Adenan) mendapat sokongan Taib.

Ditanya sama ada beliau melihat perkara itu akan menyebabkan perbalahan dalam PBB, tulang belakang anggota komponen gabungan pemerintah Barisan Nasional Negeri, kerana pertandingan itu, beliau hanya menjawab: "Saya tidak tahu".

Abang Johari juga membuat satu lagi kejutan apabila beliau menafikan yang beliau akan mempertahankan jawatannya sebagai Naib Presiden pada pemilihan itu.

Menurut senarai calon yang dikeluarkan oleh parti pada Rabu, nama Abang Johari adalah antara 10 calon yang bertanding bagi merebut jawatan Naib Presiden.

Katanya, beliau tidak menjadi calon bagi jawatan Naib Presiden itu kerana beliau tidak menandatangani borang untuk mempertahankan jawatan itu dan beliau hanya bertanding bagi jawatan Timbalan Presiden.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan Konvensyen PBB selama tiga hari itu yang diadakan dari 26 Ogos.

Semalam, pembantu kanan kepada Abang Abu Bakar, penyandang Timbalan Presiden, berkata Abang Abu Bakar tidak mungkin menarik diri daripada pertandingan itu walaupun hanya menerima satu pencalonan.

Pembantu itu juga berkata bahawa Abang Abu Bakar menerima "tekanan yang kuat" untuk menarik diri tetapi menurutnya ketuanya itu akan "melawan

habis-habisan".

Hanya tinggal dua minggu sebelum konvensyen parti itu dan para pemerhati politik berkata bahawa PBB akan menghadapi pemilihan yang menarik dalam tempoh 12 tahun yang mungkin akan melihat perubahan besar dalam senarai penyandang jawatannya.

Taib dan satu lagi Timbalan Presiden Tan Sri Alfred Jabu, yang mewakili cabang parti Dayak (juga dikenali sebagai cabang Pesaka) telah menang tanpa bertanding tetapi terdapat pertandingan bagi kebanyakan jawatan lain.

-- BERNAMA

CJ AU RHM